

UMS meterai MoU dengan Centre Ecotech bagi penyelidikan teknologi hijau

Oleh I.SAB KHAN
MUKARAB SHAH
i.sabkhanUB@gmail.com

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) menjalankan kerjasama dengan Centro Ecotech Energy Technology (Dongguan) Co Ltd, China menerusi pemeteraian satu memorandum persefahaman (MoU).

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata kerjasama dalam bidang penyelidikan itu akan menghasilkan kesan positif ke atas bidang biodiversiti dalam jangka masa yang panjang.

Menurutnya, Centre Ecotech adalah sebuah syarikat tenaga berteknologi tinggi yang merangkumi teknologi hijau.

"Ini selaras dengan matlamat bagi Eco-Kampus yang memberi tumpuan kepada konsep mesra alam dalam semua aspek

kehidupan dalam serta luar kampus.

"Untuk pengetahuan, UMS juga akan menubuhkan pusat penyelidikan khas untuk penyelidikan dan pengkomersilan yang berkaitan dengan teknologi hijau," katanya ketika berucap pada majlis MoU di antara UMS dan Centre Ecotech di Kota Kinabalu, kelmarin.

Harun berkata, Centro Ecotech berminat untuk mengadakan kerjasama itu memandangkan Malaysia mempunyai pelbagai kelebihan dari segi penyelidikan dan sumber tenaga manusia yang jauh lebih bagus.

"Selain itu, ia bagi meningkatkan imej dan kualiti produk yang mereka hasilkan," katanya.

Katanya, kerjasama kelak bakal menukarkan kepakaran dan pemindahan teknologi sekaligus berhasil

membangunkan 'Energy Efficient Cleanroom Control' dan 'Building Automation System'.

"Selain itu, usaha-usaha pengkomersilan juga akan dibuat mengikut piawaian antarabangsa untuk memastikan produk yang dihasilkan berkualiti tinggi," katanya.

Beliau berkata, MoU yang dimeterai itu akan menghasilkan kesan positif terhadap pembangunan teknologi mesra alam selain mengukuhkan hubungan di antara kedua-dua negara khususnya dalam industri yang terlibat.

"Terdahulu, kita telah bersetuju untuk mengadakan kerjasama dan menandatangani satu niat untuk berkerjasama di Dongguan China pada Disember 2012.

"Maka pada hari ini, rombongan yang juga delegasi daripada Centro Ecotech telah



MOU termeterai di antara kedua buah pihak.

datang untuk menandatangani secara rasmi MOU ini," katanya sambil menambah, dengan termeterainya perjanjian persefahaman itu

maka satu langkah untuk mara ke hadapan telah dilakukan.

Katanya, perjanjian berkenaan juga adalah satu langkah kerjasama yang lebih strategik dalam penyelidikan bidang-bidang tertentu yang akan dibuat.

"Hasil daripada penyelidikan ini, kita mengharapkan satu langkah

ke hadapan, yakni hasil dan produk yang dihasilkan dapat dikomersilkan bukan sahaja di peringkat tempatan tetapi juga di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, pihak Centro Ecotech turut disokong penuh oleh pihak kerajaan China termasuklah dari segi pembiayaan dalam

melaksanakan kerjasama berkenaan yang mana sekaligus menunjukkan kesungguhan mereka.

"Malah pihak mereka juga bercadang untuk melabur di Malaysia dan membina kilang khas dan menjadikan malaysia sebagai platform dalam pasaran eksport antarabangsa," katanya.



HARUN menyampaikan cenderamata.



HARUN ketika sidang akhbar di majlis itu.